

	<p><b>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</b> Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> <b>Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</b></p>
---	---



## **SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG RASMI ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019**

**PUTRAJAYA, 30 OGOS 2019** – Perbadanan Putrajaya akan menganjurkan Royal FLORIA Putrajaya 2019 bertempat di Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Putrajaya mulai 31 Ogos sehingga 8 September 2019 dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Bertemakan “Mother Of All Gardens”, festival pada tahun ini akan mengetengahkan orkid dan bonsai sebagai bunga tema festival.

Majlis Perasmian RFP 2019 disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Turut hadir YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad, YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin Bin Md Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim, dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Penganjuran festival edisi ke-11 ini merupakan inisiatif PPj mengembangkan lagi sektor pelancongan serta membuka lebih banyak peluang perniagaan terutama dalam industri hortikultur dan florikultur.

RFP 2019 bakal mempamerkan lebih 1 juta kuntum bunga-bunga dari pelbagai spektrum warna termasuk lebih 500 variasi spesis orkid, lebih 100 koleksi bonsai dan 70 pameran taman dengan pelbagai tema dan reka bentuk. Para pengunjung juga berpeluang menyertai lebih 100 aktiviti harian seperti bengkel dan demonstrasi perkebunan, FLORIA Fun Run, Aerobicthon bertemakan “Glow In The Dark”, *Floral Fashion Show*, *Garden Talk*, gubahan bunga dan persembahan artis jemputan.

Dokumen telah diaudit oleh Juruaud. Data  
MS ISO 9001 : 2015 Perbadanan Putrajaya  
pada 17/9/2019

Di dalam majlis yang sama, turut diperkenalkan koleksi orkid hibrid baharu yang telah didaftarkan di *International Cultivar Registration Authority (ICRAs)* pada 17 Julai 2019 dan diberi nama **Vanda Queen Azizah Iskandar** bersempena dengan nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

Bayaran tiket masuk ke RFP 2019 untuk warganegara adalah sebanyak RM5 bagi orang dewasa manakala RM3 bagi OKU, kanak-kanak serta warga emas. Bagi warganegara asing pula, harga tiket adalah sebanyak RM10 untuk dewasa dan RM6 untuk OKU, kanak-kanak serta warga emas. Pembelian tiket boleh dibuat secara atas talian melalui <https://ticket.smart.putrajaya.my> atau melalui aplikasi Putrajaya Mobile.

PPj mensasarkan kunjungan lebih 500,000 orang ramai ke Royal FLORIA Putrajaya 2019. Parkir kereta disediakan dan perkhidmatan bas percuma turut disediakan di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Selain itu, pengunjung boleh menggunakan perkhidmatan *Water Taxi* sambil menikmati panorama Putrajaya untuk ke Taman Botani Putrajaya melalui Jeti Cruise Tasik Putrajaya dan Jeti Kelab Tasik Putrajaya dengan kadar bayaran sebanyak RM3 untuk dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak.

Penganjuran RFP 2019 turut mendapat sokongan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Jabatan Landskap Negara.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Perasmian Royal FLORIA Putrajaya 2019 sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346. Maklumat lanjut mengenai RFP 2019, sila layari platform media sosial di Facebook (Royal Floria Putrajaya), Instagram (@putrajayafloria) dan Twitter (@putrajayafloria).



**(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 29 Ogos 2019